**JAWATAN : PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (F41)**

**TARAF JAWATAN : KONTRAK**

**<u>Ringkasan Bidang Tugas</u> :**

1. Bertanggungjawab mengkaji, menganalisis dan membangunkan sistem komputer dan pangkalan data sedia ada di KPBKL.

2. Mereka bentuk, membangun, melaksana, menyelenggara serta kajian semula sistem pemprosesan data dan maklumat bersesuaian dengan kegunaan Jabatan / Bahagian / Unit di KPBKL.

3. Bertanggungjawab menyelesaikan isu yang mungkin memberi kesan kepada keupayaan pasukan dalam menangani isu berkaitan IT di KPBKL.

4. Bertanggungjawab mengawasi pelaksanaan sistem baharu dan memastikan sokongan kecekapan diberikan kepada warga kerja.

5. Merancang, mereka bentuk, membangun, menguji dan melaksanakan/menyelenggara pengguna sistem aplikasi untuk menjadikan penyampaian perkhidmatan KPBKL yang bercirikan tanpa kertas lebih cekap dan berkesan serta melaksanakan latihan-kebajikan pengguna dan menyediakan dokumentasi sistem yang lengkap.

6. Mengurus dan merancang projek pembangunan sistem baru.

7. Mengurus, merancang dan menganalisis struktur pangkalan data sistem baru.

8. Mengurus, membangun dan memantau Laman Web rasmi KPBKL.

9. Membuat kajian keperluan dan penyediaan kertas kerja infrastruktur Teknologi Maklumat berkenaan rangka kerja tadbir urus data dan pengawasan *(data governance frameworks).*

10. Mengurus staf Teknologi Maklumat yang terlibat dalam pembangunan sistem.

11. Menguruskan juruteknik dalam pengurusan kerja untuk pembaikan komputer dan peralatan IT di setiap Jabatan / Bahagian / Unit dan Fakulti.

**Syarat Kelayakan Minimum** :

1. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denggannya.

2. Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.

3. Warganegara Malaysia

4. Berkebolehan untuk memimpin serta boleh berfikir secara kreatif dan kritis ;

5. Mempunyai keterampilan yang baik.

6. Semangat yang tinggi bekerja secara kumpulan.

7. Bersahsiah, bertanggungjawab serta beretika profesional.

8. Mempunyai pengalaman kepimpinan dengan pengalaman langsung dalam pembangunan dan penyelenggaraan aplikasi, pengetahuan teknikal yang kukuh tentang pelbagai jenis sistem dan aplikasi teknologi didalam Institusi Pendidikan.

9. Berpengalaman dalam mengurus transformasi digital, termasuk membimbing pembangunan strategi digital sebagai sebahagian daripada strategi keseluruhan.

**JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (F29)**

**TARAF JAWATAN : KONTRAK**

**Ringkasan Bidang Tugas :**

1. Bertanggungjawab membangun program baharu untuk sesuatu sistem gunaan komputer, memperkembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa dan memberikan latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna.

2. Bertanggungjawab dalam membantu membuat penyenggaraan Peralatan ICT dan peranti kelengkapan.

3. Menjalankan kerja-kerja berkaitan penyelenggaraan dan pembaikan perkakasan IT yang tidak dapat berfungsi.

4. Menjalankan kerja-kerja berkaitan pemasangan komputer dan komponen ICT dan membuat kerja-kerja berkaitan meningkat upaya komputer di KPBKL.

5. Bertanggungjawab dalam penyelenggaraan Aplikasi Pengkomputeran serta membuat kerja-kerja baikpulih dan instalasi perisian serta meningkat upaya sistem operasi dan aplikasinya.

6. Melaksanakan kerja-kerja peningkatan perisian ke versi terkini dan semasa serta menjalankan kerja-kerja mengimbas dan menghapuskan virus komputer.

7. Bertanggungjawab dalam operasi sistem, bertugas mengikut jadual tugasan dan piawai yang ditetapkan di Unit IT.

8. Memberi perkhidmatan tunggu sedia bagi majlis-majlis rasmi di KPBKL.

9. Menjalankan tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Unit IT dari masa ke semasa.

**Syarat Kelayakan Minimum** :

1. Mempunyai Diploma dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denggannya.

2. Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.

3. Warganegara Malaysia

4. Mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang mendalam mengenai perkakasan, peralatan dan sistem komputer serta mengikuti perkembangan teknologi maklumat terkini.

5. Kreatif, tekun dan sabar serta mempunyai semangat yang tinggi bekerja secara kumpulan.

6. Bersahsiah, bertanggungjawab serta beretika profesional.

7. Mempunyai pengalaman dalam pembangunan dan penyelenggaraan aplikasi, pengetahuan teknikal yang kukuh tentang pelbagai jenis sistem dan aplikasi teknologi didalam Institusi Pendidikan.

## CARA PERMOHONAN

Sekiranya anda adalah seorang yang berdaya saing, kreatif dan berinovasi, mempunyai tahap komitmen yang tinggi, berfikiran positif serta mampu bekerja dalam suasana mencabar, sila hantarkan surat permohonan, resume dan salinan sijil serta transkrip Akademik anda kepada:-

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA**
**TINGKAT 3, MENARA AKADEMIK**
**KOLEJ PROFESIONAL BAITULMAL KUALA LUMPUR**
**LOT 1363, JALAN PERKASA**
**TAMAN MALURI**
**55100 KUALA LUMPUR**

**EMAIL: peluangkerjaya_hr@kpbkl.edu.my**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 31 JANUARI 2023**